

Penjodoh bilangan

A. Isikan tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah ini.

sisir	cucuk	ikat	ekor
gelas	batang	rangkap	gugus



1. Di hadapan Tamu Kianggeh terdapat se_____ sungai.
2. Nurul menulis se_____ pantun untuk gurunya.
3. Pemuda itu membeli dua _____ pisang daripada penjual buah itu.
4. Emak membeli se_____ sayur sawi dan dua _____ ikan tenggiri.
5. Johan makan lima _____ sate dan minum se _____ air tebu di gerai itu.
6. Ibu Akmal membeli beberapa _____ buah anggur dari Pasar Raya Hua Ho.

B. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Penjual buah itu telah menjual beberapa _____ buah langsung dengan harga yang murah. (**biji , tangkai, longgok**)
2. Ibu menyediakan beberapa _____ roti yang disapu jem untuk sarapan pagi. (**baris, helai, keping**)
3. Tujuh _____ rumah kedai itu kepunyaan Tuan Hj Ahmad. (**biji, papan, pintu**)
4. _____ burung hinggap di atas dahan pokok di tebing sungai itu. (**Sekawan, Segerombolan, Sepasukan**)
5. Jamal mengeluarkan beberapa _____ duit syiling. (**keping, helai, gulung**)

C. Teliti gambar di bawah.



Lengkapkan ayat dengan penjodoh bilangan yang betul berdasarkan gambar di atas.

1. Di belakang rumahnya terdapat se _____ pokok serai.
2. Abang membeli tiga _____ majalah di pameran buku itu.
3. Se _____ burung budgie hinggap di dahan pokok.
4. Kakak mencari se _____ benang warna hijau yang hilang.
5. Azka hanya membawa se _____ mata kail semasa pergi memancing ikan.
6. Awi menerima dua _____ poskad Hari Raya daripada kawannya.
7. Dia mencari se _____ anak kuncinya yang hilang.
8. Wanita itu membeli se _____ payung yang berwarna-warni.
9. Terdapat se _____ meriam lama di taman itu.
10. Ayah menghadiahkan se _____ gelang tangan emas kepada ibu.

